

Bengkel Adobe Photoshop platform terbaik tingkat nilai tambah mahasiswa/i

4B 29.3.2018 B2

KOTA KINABALU: Kelab Sukan Kolej Kediaman Sri Angkasa dengan kerjasama Exco Sukan dan Rekreasi mengadakan program Bengkel Adobe Photoshop Sri Angkasa Siri 1 2018.

Program itu adalah bagi memberi pengetahuan dan kemahiran baharu kepada mahasiswa/i UMS khususnya dan kolej kediaman amnya mengenai perisian itu dan kelebihan menggunakannya.

Melalui latihan dan sesi perkongsian pengalaman yang disampaikan oleh pihak penceramah Mohd Lopez Mohd Asri, para peserta dilihat lebih mempunyai keyakinan diri yang tinggi dalam menggunakan perisian berkenaan khususnya dalam

penghasilan poster, banner, bunting dan lain-lain lagi.

Terdahulu dalam ucapan perasmian penutupan program, Pengetua Kolej Kediaman Sri Angkasa Wijaya Kamal Ramlan berkata program seperti itu mampu memberi nilai tambah kepada mahasiswa/i UMS.

“Adalah diharapkan dalam jangka panjang, bengkel seperti ini yang berbentuk program pensijilan di mana ia meliputi aspek teori dan penilaian, akhirnya memberi pengiktarafan kelayakan sebagai pengajar bertauliah.

“Ia pastinya akan membantu mahasiswa untuk lebih mudah mencari peluang pekerjaan pada masa hadapan melalui program pensijilan itu,”

katanya.

Pengarah Program Amira Nabihah Jaafar di dalam ucapan aluannya berkata generasi muda masa kini sangat meminati teknologi dan sudah menjadi sebatik di dalam kehidupan seharian mereka.

Melalui pengenalan aplikasi itu katanya, ia pasti memudahkan urusan kehidupan seharian pelajar dalam menghasilkan tugas yang lebih menarik pada masa hadapan.

Program itu melibatkan penyertaan pelajar UMS seramai 60 orang dan penutupan program turut dihadiri oleh felo kakitangan, felo pascasiswazah, barisan kepimpinan Jakmas KKSA dan mahasiswa mahasiswi UMS.